

Artikel

Cabaran Pentadbiran Pengerusi JPKKOA Wanita Orang Asli Mendepani Pandemik COVID-19 di Malaysia

(The Administrative Challenge Faced by the Chairperson of JPKKOA Orang Asli Women in the Management of the COVID-19 Pandemic in Malaysia)

Norliza Mohammad Basiron*, Mimi Hanida Abdul Mutalib & Zanisah Man

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM),
43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: norliza.mohammadbasiron@gmail.com

Diserah: 24 Ogos 2023
Diterima: 03 Oktober 2023

Abstrak: Wabak COVID-19 yang melanda bukan hanya di Malaysia malahan seluruh dunia telah menjejaskan kehidupan semua golongan penduduk dunia termasuk golongan penduduk pribumi. Hal ini kerana COVID-19 telah menyebabkan berlakunya krisis kemanusiaan apabila sekatan yang dikenakan bagi mengawal penularan virus telah memberi kesan terhadap sektor ekonomi dan sosial masyarakat. Oleh yang demikian, situasi begini menyebabkan pelbagai cabaran terpaksa dilalui oleh semua pemimpin masyarakat termasuk pemimpin dalam kalangan Orang Asli dalam melaksanakan tugas semasa pandemik COVID-19. Kajian ini bertujuan meneroka pengalaman dan cabaran yang dilalui oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) wanita ketika melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin kampung semasa pandemik COVID-19. Pendekatan kajian secara kualitatif telah diguna-pakai dalam mengumpul maklumat daripada sembilan (9) orang pengerusi JPKKOA dari kalangan wanita suku kaum Temuan menggunakan cara persampelan bertujuan . Data dijana dari temu bual mendalam dengan pengerusi JPKKOA kaum Temuan yang terlibat berdasarkan soalan secara separa berstruktur. Data analisis menemui tiga (3) cabaran yang dihadapi oleh mereka ketika era pandemik iaitu perubahan pentadbiran dan pengurusan kampung, sinergi pentadbiran kampung yang tempang serta perlu mendepani kekusaran masyarakat berkaitan isu COVID-19. Cabaran-cabaran tersebut penting bagi menterjemahkan situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Oleh itu, dapatan kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pengetahuan baharu berkaitan cabaran kepimpinan pengerusi JPKKOA wanita Orang Asli semasa pandemik COVID-19 di Malaysia.

Kata kunci: Wanita Orang Asli; pentadbiran; cabaran; pengerusi JPKKOA; pandemik COVID-19

Abstract: The COVID-19 pandemic that hit not only Malaysia but the whole world has affected the lives of all the world's population, including the indigenous population. This is because COVID-19 has caused a humanitarian crisis when restrictions imposed to control the spread of the virus have impacted society's economic and social sectors. Therefore, this situation causes various challenges that all community leaders, including leaders among the Orang Asli, must carry out during the COVID-19 pandemic. This study explores the experiences and challenges faced by the chairpersons of the Orang Asli Village Development and Security Committee (JPKKOA) when carrying out their responsibilities as village leaders during the COVID-19 pandemic. A qualitative approach was employed to gather data from nine (9) Temuan female JPKKOA chairpersons using a purposive sampling method. Data was generated from in-depth interviews with the Temuan JPKKOA chairpersons based on semi-structured questions. The analysis data found three

(3) challenges they faced during the pandemic, namely changes in village administration and management, weak village administration synergy, and the need to face community concerns related to the issue of COVID-19. These difficulties are critical in translating a circumstance that has never occurred before among the Orang Asli people. Therefore, it is hoped that the study's findings can contribute to new knowledge about the leadership challenges of Orang Asli women JPKKOA chairpersons during the COVID-19 pandemic in Malaysia.

Keywords: Orang Asli women; administration; challenges; JPKKOA chairpersons; COVID-19 pandemic

Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan buruk terhadap penduduk dunia dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial di setiap negara (Dadzie et al., 2021). Seluruh negara menghadapi satu fenomena tidak terduga yang telah mengakibatkan perubahan besar dalam rutin kehidupan sehingga mendorong manusia untuk beradaptasi dengan kehidupan dalam norma baharu. Di Malaysia, masyarakat Orang Asli juga mengalami kesukaran dalam menjalani kehidupan akibat perintah kawalan pergerakan yang telah dilaksanakan bermula Mac 2020. Institusi kepimpinan Orang Asli di peringkat kampung iaitu Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran pentadbiran dan pengurusan kampung ketika dilanda COVID-19. Pemimpin, terutama pengerusi JPKKOA perlu segera bertindak kepada kehendak persekitaran institusi yang berkemungkinan tidak terkandung dalam perancangan institusi kepimpinan tersebut kerana dipengaruhi keadaan tidak menentu dan bukan sesuatu yang rutin.

Peranan pengerusi JPKKOA semasa pandemik COVID-19 menjadi lebih penting dan kritikal dalam menguruskan komuniti tersebut. Kepekaan dan kebijaksanaan dalam mengambil keputusan telah menjadi penentu utama bagi kejayaan JPKKOA dalam menghadapi cabaran yang berlaku. Pengerusi JPKKOA perlu menonjolkan keupayaan komunikasi yang efektif untuk menyampaikan maklumat dan arahan kepada ahli-ahli JPKKOA serta pihak luar yang terlibat agar segala bantuan dan permasalahan kampung dapat diselesaikan dengan cara berkesan. Di samping itu, pengerusi juga perlu memainkan peranan strategik dalam merancang inisiatif dan langkah-langkah untuk menangani kesan pandemik terhadap komuniti.

Sebanyak 15 peratus wanita Orang Asli memegang jawatan pengerusi JPKKOA pada tahun 2021 (30 orang wanita daripada 205 pengisian jawatan pengerusi). Sebagai pemimpin mereka perlu sentiasa bersedia untuk menyesuaikan diri dengan situasi yang berubah-ubah, sudah pasti mereka harus melalui pelbagai cabaran dalam melaksanakan tanggungjawab di kala berhadapan krisis seumpama pandemik COVID-19. Cabaran yang paling ketara adalah ketidakpastian mengenai perkembangan wabak dan penyebaran koronavirus serta kesan jangka panjang yang akan timbul (Park, 2022). Mereka perlu sentiasa bersedia untuk menyesuaikan diri dengan situasi yang berubah-ubah. Cabaran lain termasuk tekanan psikologi yang timbul daripada tuntutan tugas yang pelbagai dan beban kerja yang meningkat akibat penyesuaian dengan cara kerja baharu. Oleh sebab itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman dan cabaran kepimpinan pengerusi JPKKOA wanita ketika melaksanakan tugas semasa pandemik COVID-19.

Sorotan Literatur

Kewujudan wabak COVID-19 telah dikesan bermula tahun 2020 dan merebak dengan pantas ke seluruh dunia. Dengan kenaikan jumlah kematian harian serta pelbagai bentuk penderitaan yang tidak pernah berlaku sebelum ini, wabak tersebut telah mencemaskan penduduk dunia dalam tempoh yang amat singkat (Sibanda et al., 2022). Dunia juga telah menyaksikan banyak negara melakukan penutupan sempadan yang telah menyekat rutin masyarakat terutamanya yang melibatkan aktiviti fizikal seperti perhimpunan di tempat awam bagi mencegah penularan wabak secara tidak terkawal (Nyawo, 2022). Dalam hal ini, pemimpin perlu pantas bertindak balas dengan cabaran pandemik yang memerlukan beberapa perubahan drastik. Situasi ini telah memaksa masyarakat untuk beradaptasi dengan norma baharu seperti kewajipan pemakaian penutup muka, pematuhan penjarakan sosial serta pelaksanaan mesyuarat secara maya.

Perubahan ini turut memberi kesan negatif terhadap komuniti Orang Asli. Beberapa kajian antarabangsa telah dibuat bagi mengetengahkan impak pandemik COVID-19 ke atas kumpulan ini dari segi ekonomi dan kesihatan. Menurut kajian Thomas et al. (2021), wanita Orang Asli kaum iTaukei di Fiji telah terkesan kerana perlu berhadapan dengan masalah kehilangan pekerjaan dan pendapatan keluarga akibat penutupan sektor pelancongan semasa COVID-19. Dari sudut kesihatan, Cranston dan Whitford (2022) menjelaskan bahawa kehadiran pandemik COVID-19 mendedahkan banyak ketidakadilan terhadap perkhidmatan kesihatan dan taraf hidup Orang Asli. Antara cabaran utama golongan ini adalah untuk mendapatkan akses kesihatan yang berkualiti disebabkan lokasi penempatan yang jauh di pedalaman (de Oliveira et al., 2021). Menurut Connolly et al. (2021), COVID-19 telah memudaratkan hubungan komuniti Orang Asli Alaska Amerika Syarikat di mana komuniti tersebut mempunyai jumlah kematian COVID-19 tertinggi yang melibatkan orang tua.

Tidak terkecuali di Malaysia, pandemik COVID-19 telah banyak menjejaskan kehidupan seharian masyarakat Orang Asli. Ekoran daripada penularan wabak COVID-19 yang berlarutan, situasi kemiskinan dan ekonomi Orang Asli turut terjejas (Hassan & Abdullah, 2021). Beberapa sektor ekonomi Orang Asli telah terhenti kerana kekurangan permintaan bekalan. Situasi tersebut berlaku akibat arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berterusan daripada kerajaan menyebabkan hasil pertanian tidak boleh dijual (Ghani et al., 2021). Situasi ini sudah semestinya memberi kesan negatif terhadap pendapatan harian masyarakat Orang Asli.

Selain ekonomi, pendidikan anak-anak Orang Asli tempatan juga turut terjejas. Bagi membendung penularan wabak COVID-19, institusi-institusi pendidikan seperti sekolah dan institut pengajian tinggi diarah untuk ditutup. Ini menuntut supaya Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) dimulakan. Walau bagaimanapun, ketiadaan kemudahan telefon dan kelemahan sambungan internet mempengaruhi keberkesanan kelas dalam talian. Hal ini disebabkan oleh kemudahan infrastruktur yang terhad dan ketidakseimbangan pembangunan geografi dalam penempatan masyarakat Orang Asli (Mohd Noor & Abd Razak, 2022).

Dari sudut perkhidmatan kesihatan, situasi di Malaysia adalah berbeza dengan situasi di luar negara. Kewujudan hospital dan klinik tempatan memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan masyarakat Orang Asli menerima rawatan serta maklumat terkini berkaitan penyakit kronik dan berjangkit. Semasa pandemik COVID-19 melanda, Orang Asli merupakan masyarakat yang paling terjejas akibat wabak tersebut memandangkan keadaan persekitaran tempat tinggal mereka (Nisha et al., 2020). Justeru, perkhidmatan kesihatan tersebut adalah lokasi yang akan dituju oleh masyarakat Orang Asli bagi mendapatkan rawatan kesihatan yang kompleks dan berperingkat (Ithnin et al., 2021).

Sehubungan dengan itu, peranan pemimpin komuniti adalah sangat penting dalam mengurus situasi apabila berhadapan dengan pandemik COVID-19. Kepimpinan dalam konteks pandemik COVID-19 bukanlah mudah. Banyak kelemahan sistematik dan individu telah ditemui dalam keupayaan kepimpinan. Pemimpin perlu menyusun strategi dengan teliti serta bijaksana. Kepimpinan yang berjaya dalam melaksanakan tugas mereka dengan tepat dan berkesan benar-benar dapat membuat perbezaan dalam menangani pandemik ini (Kalra et al., 2021).

Pemimpin yang komited sentiasa menitikberatkan keselamatan dan kesejahteraan masyarakat terutamanya sewaktu krisis. Beberapa dapatan kajian menunjukkan bahawa kepimpinan wanita lebih berkeupayaan untuk melaksanakan Pengurusan COVID-19 yang cekap. Park (2022) menjelaskan bahawa kepimpinan wanita telah menarik perhatian dunia kerana negara yang dipimpin oleh wanita telah menunjukkan hasil yang lebih baik sewaktu COVID-19 melanda. Mayer dan May (2021) telah menegaskan bahawa negara yang dipimpin oleh wanita seperti Jacinda Arden dari New Zealand, Tsai Ing Wen dari Taiwan dan Angela Merkel dari Jerman telah dipuji kerana berjaya menangani pandemik COVID-19 secara berkesan dengan menunjukkan sikap prihatin dan empati menerusi pendekatan kolaboratif.

Pemimpin wanita juga sanggup mempertaruhkan nyawa mereka tanpa mementingkan diri di tempat kerja, mahupun dalam kehidupan peribadi demi menjaga keperluan orang lain. Kesan daripada tindakan tersebut meningkatkan risiko jangkitan COVID-19 terhadap wanita (Dadzie et al., 2021). Namun begitu, wanita sering menunjukkan ketahanan yang luar biasa. Ini jelas ditunjukkan menerusi statistik kadar kematian di beberapa negara seperti Itali, Sepanyol dan China yang menunjukkan bahawa kadar kematian

lelaki akibat wabak COVID-19 adalah dua (2) kali ganda tinggi berbanding dengan wanita. Sebagai contoh, kadar kematian di China mencatatkan 2.8 peratus bagi lelaki berbanding hanya 1.7 peratus bagi wanita (Kapoor, 2020).

Berbeza dengan konteks di Malaysia, tidak banyak penyelidikan yang berkaitan dengan kepimpinan wanita Orang Asli ketika COVID-19 melanda. Sekiranya ada, kebanyakan penyelidik lebih tertumpu kepada kesan COVID-19 terhadap masyarakat Orang Asli secara am. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh pengerusi JPKKOA wanita Temuan dalam melaksanakan tugas sebagai pemimpin semasa mendepani Pandemik COVID-19.

Metodologi

Metodologi kajian ini telah dijalankan dengan teliti dan berfokus untuk meneroka pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh pengerusi JPKKOA wanita Orang Asli semasa pandemik COVID-19.

1. Pendekatan Kualitatif

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, yang memberikan penekanan kepada pemahaman mendalam mengenai pengalaman dan pandangan pengerusi JPKKOA wanita Orang Asli semasa pandemik COVID-19. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menggali aspek-aspek subjektif dalam kajian.

2. Teknik Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan teknik pengumpulan data secara temu bual mendalam, perbincangan kumpulan berfokus dan menganalisis dokumen berkaitan. Tujuan utama temu bual mendalam adalah untuk mendalami pemikiran dan pandangan informan kajian (Welch, 1992). Penyelidik telah menetapkan janji temu untuk mengadakan temu bual bersama informan. Informan kajian diberikan borang kebenaran temu bual yang menerangkan tentang kajian dan etika kerahsiaan yang dipegang. Protokol temu bual yang mengandungi sebelas (11) soalan terbuka separa berstruktur telah digunakan untuk memastikan keseragaman soalan yang sama diajukan kepada semua informan.

3. Lokasi Kajian

Lokasi kajian telah dipilih di tiga (3) negeri di Malaysia iaitu Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Pemilihan lokasi ini berdasarkan negeri asal informan kajian. Kajian ini dijalankan di sebuah hotel yang telah ditempah oleh penyelidik untuk memastikan keselesaan dan keselamatan informan, terutama bagi mereka yang tinggal berjauhan dari bandar. Sesi temu bual ini mengambil masa secara purata dua (2) jam untuk setiap seorang peserta. Pendekatan yang digunakan adalah pendekatan fenomenologi, di mana informan berkongsi perasaan dan pengalaman mereka secara sukarela dalam bahasa dan gaya mereka sendiri.

4. Informan Kajian

Informan terdiri daripada sembilan (9) orang pengerusi JPKKOA wanita suku Temuan yang masih lagi memegang jawatan sebagai pengerusi JPKKOA di kampung masing-masing ketika kajian ini dijalankan.

5. Analisis Data

Analisis Tematik (AT) telah digunakan dalam kajian ini untuk mentafsir data yang dikumpulkan. Pendekatan AT adalah salah satu kaedah untuk menganalisis data dengan tujuan mengenal pasti tema-tema melalui maklumat yang (Braun & Clarke, 2006). Analisis data dilakukan secara deskriptif bagi memperoleh data yang tepat dan relevan. Perisian Nvivo telah digunakan dalam proses analisis data kualitatif untuk memudahkan dan mempercepatkan proses pentafsiran data. Tema-tema yang ditemukan dihuraikan dan disokong dengan transkrip temu bual yang diperoleh daripada informan kajian.

Dengan pelaksanaan kajian ini, diharapkan dapat memberi sumbangan kepada pemahaman mengenai pengalaman dan cabaran yang dilalui oleh pengerusi JPKKOA wanita Orang Asli dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pemimpin semasa pandemik COVID-19. Hasil kajian ini diharapkan memberi manfaat kepada pengkaji lain dalam bidang yang sama serta memberikan panduan yang relevan kepada

agensi dan badan-badan berkaitan dalam usaha memperkukuhkan peranan wanita dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan di kalangan masyarakat Orang Asli.

Hasil Kajian

Bahagian ini membincangkan latar belakang pengerusi JPKKOA wanita Orang Asli kaum Temuan, pengalaman dan cabaran yang dihadapi oleh pemimpin wanita ini dalam melaksanakan tugas semasa pandemik COVID-19.

1. Profil Sosiodemografik Informan Kajian

Seramai sembilan (9) orang informan telah terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada pengerusi JPKKOA wanita Temuan dengan lingkungan umur di antara 30 hingga 60 tahun. Informan wanita tersebut telah memegang jawatan pengerusi JPKKOA di kampung mereka dengan pengalaman yang berbeza bermula seawal 6 bulan sehingga 11 tahun tempoh perkhidmatan. Rata-rata informan kajian mendapat pendidikan tamat persekolahan dan memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Nama yang digunakan dalam penulisan artikel ini bukan nama sebenar bagi tujuan menjaga kerahsiaan identiti informan kajian (rujuk Jadual 1).

Jadual 1. Latar belakang informan

Informan	Umur Pelantikan Jawatan Pengerusi	Pendidikan	Pengalaman Sebagai Pengerusi	Kampung (KOA)
Kak Long	46	Sijil	2 Tahun	Guntur
Ana	53	SRP	11 Tahun	Batu 17
Ros	35	Sijil	6 Bulan	Pabai
Anisah	46	SPM	6 Tahun	Chergun
Mas	40	Sijil	4 Tahun	Chinta Manis
Ita	45	SRP	6 Tahun	Sg Miak
Kak Mah	59	Darjah 6	3 Tahun	Hulu Chemperuh
Umi	45	Tidak Bersekolah	10 Tahun	Kechau
Sari	48	SPM	4 Tahun	Sg Garing

Terdapat tiga cabaran utama yang dihadapi oleh pengerusi JPKKOA wanita ketika melaksanakan tugas semasa COVID-19 iaitu mereka perlu mendepani, (1) Perubahan pentadbiran dan pengurusan kampung semasa COVID-19, (2) Sinergi pentadbiran kampung yang tempang, (3) Kegusaran masyarakat berkaitan isu COVID-19; akan dibincangkan secara terperinci dalam artikel ini.

2. Perubahan Pentadbiran dan Pengurusan

Peranan pengerusi JPKKOA wanita semasa pandemik COVID-19 menjadi lebih penting dan kritikal dalam pentadbiran dan pengurusan kampung. Kepekaan dan kebijaksanaan dalam mengambil keputusan telah menjadi penentu kejayaan seseorang pemimpin menghadapi cabaran yang berlaku. Norma baharu dalam pentadbiran dan pengurusan kampung telah muncul akibat kewujudan pandemik COVID-19. Ini bagi memastikan segala proses dan prosedur serta tindakan berkaitan tugas melibatkan semua pihak

berkepentingan dapat berjalan dengan lancar dan berkesan. Sememangnya satu cabaran yang besar kepada pemimpin wanita Orang Asli. Langkah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikenakan oleh kerajaan Malaysia disusuli dengan banyak Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 yang telah ditetapkan oleh JAKOA dan agensi kerajaan berkaitan dalam memastikan wabak COVID-19 tidak terus tersebar dalam kalangan komuniti ini. Seperti yang dinyatakan oleh Mas dalam petikan berikut:

“Kalau agihan bantuan kepada penduduk kampung hanya KIR sahaja yang datang ambil..yang lain tak perlu datang ke balai raya. Kita sekat tak boleh datang serentak. Datang pakai mask, tak boleh bawa anak.”

(Mas, 40 Tahun)

Selain itu, melihat apa yang berlaku pada kampung lain membuat pemimpin wanita cukup berhati-hati dalam pentadbiran beliau agar penularan COVID-19 dapat dikawal. Seperti yang dinyatakan oleh Kak Mah dalam petikan berikut:

“JPKKOA kampung saya akan agihkan bantuan kepada penduduk mengikut SOP yang ditetapkan. Kalau kawasan Janda Baik, orang Melayu ramai yang kena COVID ada yang sampai mati. Akak tak nak berlaku di kampung akak.”

(Kak Mah, 59 Tahun)

Berdepan dengan situasi yang tidak pernah berlaku sebelum ini, sikap kerjasama dan saling membantu antara penduduk kampung amat diperlukan terutama apabila penduduk yang diarah untuk kuarantin di rumah. Mereka sangat memerlukan sokongan dan bantuan daripada penduduk kampung bagi mendapatkan bekalan makanan atau perubatan. Di sinilah peranan pengerusi dan ahli-ahli JPKKOA bagi memastikan penduduk yang kuarantin dibantu agar mereka tidak terasa terpinggir. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Ana dalam petikan berikut:

“Pengerusi tetap menjalankan tugas. Mengikut SOP yang ditetapkan. Contoh, menghantar barang sumbangan kepada beberapa penduduk yang kuarantin di rumah seperti bantuan makanan barang kering, keperluan barang basah. Kami juga akan tanya pada mereka kalau ada apa-apa barang keperluan yang hendak dibeli, mereka akan list kan dan letakkan duit kat luar bersama list barang dan kami akan tolong beli..macam tu lah kami bekerjasama.”

(Ana, 53 Tahun)

Selain agihan bantuan makanan secara SOP, mesyuarat JPKKOA juga tidak dilaksanakan semasa COVID-19 agar penjarakan sosial dapat dilaksanakan dengan berkesan seperti yang dinyatakan oleh Anisah dalam petikan berikut:

“Mesyuarat masa COVID tak dijalankan. Ada NGO bagi barang, saya dan AJK kena agihkan rumah ke rumah. Kita kerja mengikut SOP.”

(Anisah, 46 Tahun)

Walau bagaimanapun, terdapat juga pengerusi JPKKOA wanita ini melaksanakan mesyuarat, namun bilangan kehadiran sangat kecil dan tidak melibatkan semua AJK seperti yang dikongsi oleh Mas seperti petikan berikut:

“Saya dan AJK meeting dalam 2 ke 3 kali je..itu pun tak ramai..banyak gunakan WhatsApp sepanjang COVID.”

(Mas, 40 Tahun)

Semasa pandemik COVID-19, penggunaan telefon sangat penting dan merupakan salah satu komunikasi yang sangat berkesan untuk menghubungkan antara penduduk dan JPKKOA, Kemudahan alat komunikasi ini juga membantu pemimpin wanita ini melaksanakan tugas dengan lancar dan tiada penduduk yang tercicir dalam menerima bantuan seperti yang dinyatakan oleh Ana dalam petikan berikut:

“Semasa COVID, komunikasi semua melalui telefon sebab di kampung saya penghantaran barang bantuan datang malam. Mereka akan WhatsApp cakap akan hantar barang dan letak di tempat sekian...sekian. Semua komunikasi melalui WhatsApp.”

(Ana, 53 Tahun)

Perubahan pentadbiran dan pengurusan semasa COVID-19 yang seterusnya adalah larangan orang luar daripada memasuki dan berpotensi menyebarkan COVID-19 (Idrus et al., 2021) seperti yang dinyatakan oleh Ana dalam petikan berikut :

“Ada orang luar nak masuk kampung untuk berniaga. AJK saya marah “keluar” dia halau..lepas tu kami buat penghalang besi..tapi kami hidup macam biasa pergi kebun..menoreh macam biasa. Cuma orang luar kita tak benarkan masuk. JAKOA pun cakap macam tu..Orang luar datang Batin saya terus halau hari itu jugak.”

(Ana, 53 Tahun)

Bagi memastikan tiada orang luar yang masuk tanpa kebenaran, pengerusi JPCKOA wanita ini sentiasa memberi peringatan kepada penduduk kampung terutama golongan belia agar tidak membawa masuk orang luar ke dalam kampung. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Sari dalam petikan berikut :

“Saya pesan kat belia ni.. jangan bawa budak-budak luar masuk ke kampung kita, nanti bertambah kes COVID nanti ..kampung saya tu dah lah tepi jalan...senang orang luar keluar masuk, lori keluar masuk, kontena keluar masuk.”

(Ana, 48 Tahun)

3. Sinergi Pentadbiran Kampung yang Tempang

Sebelum pandemik, pentadbiran kampung Orang Asli sudah pun menghadapi pelbagai isu dan cabaran dalam usaha meningkatkan kesejahteraan komuniti tersebut. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 telah memberi tekanan tambahan kepada pengerusi JPCKOA wanita dalam mengharungi cabaran tersebut. Arahan PKP daripada kerajaan memberi kesan kepada pentadbiran kampung Orang Asli. Pandemik COVID-19 menyukarkan pemimpin wanita ini melaksanakan tugas. Perkara ini dinyatakan oleh Ita seperti dalam petikan berikut:

“Masa PKP hari itu cabaran sungguh..sebabnya masa tu kan ada orang sesat ke kampung kita..mereka tak ada dalam senarai data kampung (ketawa). Itu masalahnya..kecohlah masa tu. JAKOA akan beri bantuan mengikut bilangan data yang saya bagi, nama yang tak ada dalam data bising tak dapat bantuan..memang masalah semasa PKP yang pertama dulu..contoh dia tinggal di Selangor, balik bercuti lepas tu terkandas di kampung ibu bapa mereka (kampung informan). Dia tanya “macam mana kami punya bantuan? Pampers tak ada ke?” paling geram dia bandingkan pulak .. “kalau di Selangor tak macam ini..” Ya Allah sabar jelah.. itu Selangor, ini Pahang..pengurusan tak sama.. kita nak simpan bantuan buat apa? Itu bukan duit kita pun, duit kerajaan kalau boleh nak bagi semua orang merasa ..nak semua orang senang..tapi pengagihan bantuan tu kenalah adil.”

(Ita, 45 Tahun)

Bukan sahaja daripada segi agihan bantuan, informan kajian juga berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19 yang mengganggu tugas JPCKOA untuk melaksanakan urusan persekolahan anak-anak kampung. Kesukaran pengerusi wanita ini semakin bertambah apabila segala urusan dengan JAKOA juga turut terganggu seperti mana yang diluahkan oleh Umi seperti petikan berikut:

“Sebelum COVID segala urusan pentadbiran seperti masalah jalan, budak sekolah, nak ke pejabat JAKOA berjalan lancar. Masa COVID semua tersangkut buat ini susah..buat itu susah..kita nak keluar nak uruskan budak-budak sekolah dah sekat..sekolah tutup..tak bagi sekolah. Kemudian nak pergi pejabat (JAKOA) pejabat tutup..itulah masalahnya.”

(Umi, 45 Tahun)

Sebelum berlakunya pandemik COVID-19 ini, informan kajian mengakui segala aktiviti kampung berjalan sangat lancar, program pembangunan dapat dilaksanakan dengan cekap sekali. Namun keadaan sekelip mata berubah apabila hadirnya wabak ini. Salah satu impak pandemik ialah tiada lagi program pembangunan dilaksanakan di kampung semasa pandemik ini mengganas di negara kita. Ita berkongsi pengalaman tersebut seperti petikan berikut:

“Sebelum COVID kampung saya agak aktif..aktif tu daripada segi program, perjumpaan, aktiviti. Sebelum ini saya nak buat permohonan jalan dan longkang kepada YB atau JAKOA mana-mana yang lulus kita kan permohonan kita, dapat lah jalan atau longkang..Selepas COVID situasi berbeza semuanya agak sunyi sepi.”
(Ita, 45 Tahun)

Berhadapan dengan situasi pandemik COVID-19 ini bukan lah sesuatu yang mudah oleh pengerusi wanita ini, mereka bukan sahaja perlu memikirkan kesejahteraan penduduk, malah pembangunan kampung yang tidak aktif juga secara tidak langsung menjejaskan hasil kutipan tabung JPKKOA dan turut memberi kesan kepada pendapatan penduduk kampung seperti mana yang diluahkan oleh Mas seperti petikan berikut:

“Sebelum COVID memang kampung agak meriah sikit lah. Dulu tiap-tiap bulan kampung ada program.. income orang kampung banyak. Sebelum COVID juga tabung JPKKOA selalu masuk. Bila COVID berterusan ..kami nak buat program pun tak lepas..orang luar nak masuk kampung pun tak boleh.. sekarang ni baru start nak mula rancang buat program..dalam dua (2) tahun ini memang tak buat apa.”
(Mas, 40 Tahun)

4. Mendepani Kegusaran Masyarakat Berkaitan Isu COVID-19

Pandemik COVID-19 telah melumpuhkan banyak sektor dan menyebabkan kehilangan nyawa di seluruh dunia. Kehilangan orang tersayang memberi satu kebimbangan masyarakat terhadap COVID-19 ini terutama dalam kalangan warga emas, kanak-kanak dan OKU (Connolly et al., 2021). Kegusaran penduduk kampung berkaitan pandemik COVID-19 mengakibatkan pemimpin menyaksikan pertelingkahan antara penduduk kampung yang bimbang berkaitan dengan keselamatan diri masing-masing. Perkara ini di nyatakan oleh Ros seperti petikan berikut:

“Pandangan penduduk kampung COVID ni menakutkan. COVID punya angkara orang kampung bergaduh..siapa yang positif COVID walaupun dah potong gelang, mereka nak juga keluar pergi beli barang keperluan..bila lalu depan rumah orang..orang tu marah “kau jangan lalu depan rumah aku”. Kalau mati sebab COVID pun tak boleh tanam kat kampung..pergi tanam dalam hutan tu.”
(Ros, 35 Tahun)

Ketakutan terhadap COVID-19 dalam kalangan penduduk kampung ada kalanya menyukarkan kelancaran dalam pengagihan bantuan makanan kepada penduduk kampung. Dalam keadaan ini, pengerusi JPKKOA wanita perlu bijak menerangkan kepada penduduk kampung agar mereka tidak bimbang untuk menerima barang yang dihantar oleh orang luar. Perkara ini dikongsi oleh Umi seperti petikan berikut:

“Masa COVID memang susah sikit nak buat kerja. JAKOA nak bagi barang pun penduduk kampung takut-takut nak terima. Ada segelintir penduduk kampung semua barang bantuan yang diterima semua dicuci (ketawa) tambahan lagi kalau ada berita terdapat kampung lain ada meninggal anak-beranak sebab COVID...lagilah orang kampung saya takut..tak dah takut nak terima barang daripada JAKOA.”
(Umi, 45 Tahun)

Kebimbangan yang melampau terhadap COVID-19 telah memberi kesan yang mendalam terhadap penglibatan penduduk dalam program dan aktiviti kampung. Wabak tersebut melahirkan kebimbangan yang meluas dalam kalangan penduduk khususnya berkaitan dengan risiko penular dan kesan kesihatan yang mungkin timbul akibat COVID-19. Ini yang dihadapi oleh informan kajian di mana program dan aktiviti yang dilaksanakan diboikot oleh penduduk kampung walaupun program tersebut mendapat kebenaran JAKOA atau Jabatan Kesihatan Negeri (JKN). Kak Long meluahkan seperti petikan berikut:

“Orang kampung saya menganggap semua yang kena COVID membawa malang petaka kepada masyarakat..sehinggakan program JPKKOA orang kampung sisihkan. Mereka kata jangan bergaul dengan kita (ahli JPKKOA) walaupun tarikh kuarantin dah habis mereka takut juga nak lalu depan kita.”

(Kak Long, 46 Tahun)

Cabaran pemimpin wanita ini dalam menghadapi kebimbangan masyarakat Orang Asli terhadap COVID-19 ini semakin mencabar apabila informan kajian turut berkongsi bahawa pandemik COVID-19 telah menghasilkan persepsi dan kebimbangan dalam kalangan penduduk sehinggakan tidak membenarkan anak-anak mereka untuk hadir ke sekolah kerana bimbang anak-anak mereka akan dijangkiti virus tersebut. Ana meluahkan seperti petikan berikut:

“Orang kampung saya punyalah takut dengan COVID sampai satu tahap tak bagi anak sekolah. Dia orang tak bagi anak sekolah.”

(Ana, 53 Tahun)

Malah terdapat informan kajian terdapat penduduk kampung yang terlalu bimbang dengan COVID sehingga meninggalkan penempatan perumahan mereka dan berpindah ke hutan seperti yang dinyatakan oleh Anisah seperti petikan berikut:

“Orang kampung saya ada yang terlalu takut COVID ini sampai masuk hutan tidur kat kebun, duduk pondok. Sehinggakan ada penduduk yang nak beli barang keperluan pun kena mereka sumpahkan supaya kena COVID (ketawa).”

(Anisah, 46 Tahun)

Ita juga turut bersetuju perkara yang sama. Masyarakat Orang Asli mempunyai cara mereka sendiri untuk mengatasi sesuatu masalah. Hal ini dinyatakan oleh Ita seperti petikan berikut:

“Sebagai pengerusi kita kena memahami perasaan mereka, masa COVID orang kampung saya seorang pun tak nak keluar rumah..ada yang pergi masuk hutan..mereka takut. Orang kampung lari masuk hutan duduk lah 2-3 hari, 2 -3 minggu ada yang 3 bulan.. orang kampung kita sendiri tak nak campur orang dah..mereka dengar ada penyakit mereka cari alternatif sendiri.”

(Ita, 45 Tahun)

Perbincangan

Kajian yang telah dijalankan ini menunjukkan perubahan pentadbiran dan pengurusan kampung, sinergi pentadbiran kampung yang tempang serta perlu mendepani kegusaran masyarakat berkaitan isu COVID-19 adalah cabaran yang dilalui oleh pengerusi JPKKOA wanita Temuan ini dalam melaksanakan tugas semasa pandemik COVID-19. Analisis kajian menunjukkan bahawa cabaran yang dilalui oleh pengerusi JPKKOA wanita Temuan ini adalah melaksanakan perubahan pentadbiran dan pengurusan kampung ketika COVID-19. Penetapan SOP oleh JAKOA dan agensi berkaitan sebagai langkah mencegah penyebaran COVID-19 tanpa mengetepikan adat dan budaya masyarakat orang Asli yang mempunyai ikatan persaudaraan yang kuat. Semasa COVID-19, penduduk terpaksa berkurung dan memerlukan makanan. Mereka tidak dibenarkan keluar untuk bekerja mendapatkan keperluan asas dan situasi itu bukan sesuatu yang selesa (Cranston & Whitford, 2022). Pengerusi wanita ini perlu memastikan bahawa tiada penduduk yang tercicir daripada menerima sebarang bantuan. SOP ketika COVID-19. Selain itu, pelaksanaan norma baharu dalam pentadbiran pengerusi JPKKOA wanita ini adalah melaksanakan komunikasi melalui telefon agar penularan wabak dapat dikurangkan. Segala mesyuarat dan maklumat terkini disalurkan kepada penduduk kampung melalui aplikasi *WhatsApp* dan panggilan telefon. Komunikasi antara pengerusi dan AJK juga turut menggunakan aplikasi *WhatsApp* agar segala maklumat yang tepat dapat diterima dengan cepat. Semasa pandemik COVID-19 ini komunikasi antara pengerusi, AJK, penduduk, agensi kerajaan, NGO dan dipihak adalah sangat penting bagi menjamin kesejahteraan penduduk. Walaupun komunikasi melalui telefon digunakan, komunikasi secara fizikal juga penting dilaksanakan bagi sesetengah perkara yang perlu

perbincangan mendalam. Oleh itu, terdapat juga informan kajian yang masih membuat mesyuarat secara fizikal namun bilangan ahli tidak ramai. Komunikasi adalah kunci untuk mewujudkan kepercayaan dalam kepimpinan. Pemimpin harus mempunyai rasa empati dan dapat menyampaikan arahan dengan baik (Kalra et al., 2021). Cabaran perubahan pentadbiran seterusnya semasa COVID-19 di mana larangan orang luar daripada memasuki dan berpotensi menyebarkan COVID-19. Oleh itu, masyarakat Orang Asli telah mewujudkan pusat kawalan dan penghalang di pintu masuk ke kampung mereka untuk menghalang orang luar daripada memasuki kampung mereka. Pusat kawalan ini juga memantau keluar masuk penduduk kampung dan memastikan mereka mematuhi peraturan sekatan (Idrus et al., 2021). Cabaran ini memberi pengalaman baharu kepada pemimpin wanita ini, walaupun sukar namun itu adalah tanggungjawab yang perlu di dilaksanakan sebagai pemimpin demi kesejahteraan masyarakat (Kalra et al., 2021).

Selain itu, kajian mendapati cabaran berkaitan sinergi pentadbiran kampung yang tempang ini mengakibatkan pentadbiran kampung menjadi tidak cekap. Petunjuk prestasi utama (KPI) JPCKOA tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna seperti mengemas kini profil kampung dan menganjurkan aktiviti atau program untuk penduduk kampung. Agihan bantuan makan semasa COVID-19 sukar diagihkan dengan baik, malahan tidak mencukupi disebabkan terdapat tambahan ketua isi rumah (KIR) kerana mereka terkandas di kampung informan kajian. Ini menyukarkan pengemaskinian data maklumat asas penduduk kerana penambahan KIR ini tidak dimaklumkan secara awal kepada JPCKOA. Penutupan pejabat agensi kerajaan terutama JAKOA menyukarkan lagi perancangan dan pelaksanaan program di kampung kerana tiada perbincangan bersemuka antara pengerusi dan pegawai JAKOA. Bagi memastikan penularan wabak tersebut terkawal, arahan kerajaan dalam PKP juga menghalang pelaksanaan program dan aktiviti di kampung Orang Asli. Penangguhan program atau aktiviti di perkampungan Orang Asli dapat mengurangkan kebimbangan dan kerisauan penduduk kampung kerana virus ini diibaratkan “musuh yang tidak nampak”. Namun, Orang Asli juga menerima implikasi susulan pandemik COVID-19 ini kerana kedudukan mereka sedia ada telah dibelenggu dengan isu ekonomi, dihimpit kemiskinan dan terpinggir daripada pembangunan arus perdana (Hassan & Abdullah, 2021).

Analisis kajian juga jelas menunjukkan bahawa ketakutan, kebimbangan dan kegusaran COVID-19 dalam kalangan masyarakat Orang Asli merupakan cabaran sukar yang perlu dihadapi oleh pengerusi JPCKOA wanita ini. Masyarakat Orang Asli sangat memandang serius ancaman wabak ini dan bertindak balas dengan langkah proaktif untuk memastikan komuniti mereka selamat (Idrus et al., 2021). Apa yang membimbangkan pemimpin wanita ini apabila terdapatnya tindak balas negatif dalam kalangan penduduk kampung sehingga berlakunya pergaduhan dan mendiskriminasikan individu yang dijangkiti COVID-19. Situasi ini seterusnya mewujudkan diskriminasi sosial dalam kalangan masyarakat (Widodo, 2020). Cabaran ini mengganggu tugas pengerusi JPCKOA wanita ini dalam melaksanakan pentadbiran yang lancar dan berkesan. Tambahan lagi penduduk merasa takut apabila menerima barang bantuan berbentuk makanan dan bantuan-bantuan yang lain yang dihantar oleh agensi kerajaan. Ketakutan, kebimbangan dan kegusaran COVID-19 ini juga mendorong penduduk kampung bertindak memboikot program dan aktiviti JPCKOA kerana terlalu bimbang bertemu dengan individu yang telah dijangkiti yang dikatakan membawa malang, walaupun individu yang dijangkiti telah tamat tempoh kuarantin. Tambah membimbangkan lagi, terdapat segelintir ibu bapa yang enggan membenarkan anak mereka ke sekolah kerana bimbang dijangkiti COVID-19. Tindakan mereka ini akan mengurangkan lagi motivasi anak-anak untuk terus bersekolah (Jessica et al., 2022). Dapatan kajian juga mendapati, untuk merasa lebih selamat, terdapat segelintir penduduk yang membawa diri ke dalam hutan dalam tempoh masa tertentu. Usaha ini menunjukkan bahawa Orang Asli mempunyai amalan tradisional mengikut adat mereka sendiri dalam mendepani cabaran COVID-19 (Hassan & Abdullah, 2021).

Akhir sekali, pengerusi JPCKOA wanita ini berhadapan dengan cabaran yang besar dan kompleks semasa pandemik COVID-19. Kepimpinan dan keprihatinan mereka sangat penting untuk memastikan kesejahteraan masyarakat Orang Asli terpelihara dengan sebaiknya-baiknya. Sokongan dan kerjasama daripada semua pihak adalah kunci kejayaan dalam menghadapi cabaran ini.

Kesimpulan

Melaksanakan tugas sebagai pengerusi JPKKOA wanita semasa pandemik COVID-19 merupakan cabaran yang sangat besar dan mempengaruhi individu, institusi dan komuniti daripada aspek kemanusiaan. Demi memastikan kesejahteraan penduduk dan sistem perkhidmatan berjalan lancar dan berkesan memaksa pemimpin wanita ini beradaptasi dengan pandemik COVID-19. Penemuan kajian mendapati cabaran utama yang dihadapi oleh pengerusi JPKKOA wanita Temuan adalah perubahan pentadbiran dan pengurusan kampung, sinergi pentadbiran kampung yang tempang serta perlu mendepani kegusaran masyarakat berkaitan isu COVID-19. Cabaran-cabaran ini di sebabkan arahan PKP yang berpanjangan oleh kerajaan yang menuntut supaya pemimpin wanita ini perlu bekerja mengikut SOP yang ditetapkan bagi mengurangkan penularan virus tersebut. Oleh itu, pengerusi JPKKOA wanita perlu bersedia dengan pengetahuan dan disiplin yang tinggi serta proaktif untuk bertindak balas dalam membuat keputusan demi keselamatan penduduk dan kesejahteraan kampung. Hasil kajian diharap dapat menyumbang kepada pengetahuan baharu berkaitan cabaran kepimpinan pengerusi JPKKOA wanita Orang Asli semasa pandemik COVID-19 di Malaysia serta mempelajari cara kreatif pemimpin wanita ini menyusun strategi untuk melindungi masyarakat Orang Asli dan cara hidup mereka. Walau bagaimanapun, kajian ini melibatkan hanya pengerusi JPKKOA wanita dari sub-etnik Orang Asli Temuan yang berada dalam kategori kampung pinggir. Justeru, kajian lanjut diperlukan bagi melihat bagaimana pengerusi JPKKOA lelaki di kalangan sub-etnik lain dalam kumpulan Orang Asli di Semenanjung Malaysia terutama di kawasan pedalaman mendepani sesuatu situasi yang tidak terduga seperti COVID-19.

Penghargaan: Penghargaan yang tulus kepada informan yang memberi maklumat, bimbingan dan kerjasama yang penting dalam penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam yang memberi penajaan pendidikan PhD di bawah program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP). Penyelidik juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia di atas bantuan mereka sepanjang penyelidikan.

Kelulusan Etika: Peserta kajian telah bersetuju dan telah menandatangani borang persetujuan maklum sebelum temu bual dijalankan. Artikel ini adalah sebahagian daripada bab 6 tesis penyelidik. Prosedur penyelidikan ini mendapat kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM PPI/111/8/JEP-2022-177).

Konflik Kepentingan: Dinyatakan bahawa tiada pertikaian kepentingan yang tercatat antara semua pihak yang turut serta dalam penyelidikan ini.

Persetujuan Termaklum: Sebelum sesi temu bual dijalankan, persetujuan secara bertulis telah diperoleh daripada setiap informan kajian

Rujukan

- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063o>
- Connolly, M., Jacobs, B., & Notzon, F. C. (2021). Covid-19 among American Indians and Alaska natives in the United States: An early look. *Statistical Journal of the IAOS*, 37(1), 25 – 36. <https://doi.org/10.3233/SJI-210790>
- Cranston, J., & Whitford, R. (2022). Still thriving: A case illustrating how Covid-19 affected indigenous health and wellness. *Canadian Journal of Educational Administration and Policy*, 200, 96–103. <https://doi.org/10.7202/1092710ar>
- Dadzie, G. M., Ebron, J., & Kipenda, M. (2021) Why African women and girls' voices are not heard in the fight against COVID-19. *Cities & Health*, 5(Sup 1), S112–S118. <https://doi.org/10.1080/23748834.2021.1907504>

- de Oliveira, T. B. S., de Sousa Moreira, J. L., Feitosa, P. W. G., Lima, D. G. S., Dionízio, B. S., & Neto, M. L. R. (2021). The spread of COVID-19 and psychiatric impact on indigenous peoples. *Avanços Em Medicina*, 1(3), 134–137. <https://doi.org/10.52329/AvanMed.37>
- Ghani, E. K., Muhammad, K., & Jais, I. R. M. (2021). Impact of Covid-19 pandemic on economic activities of Orang Asli in Malaysia. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry*, 12(8), 94–107.
- Hassan, M. S., & Abdullah, R. (2021). Situasi dan cabaran perundangan kepada Orang Asli dalam era pandemik Covid-19. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, SI, 97–108.
- Idrus, R., Man, Z., Williams-Hunt, A., & Chopil, T. Y. (2021). Indigenous resilience and the Covid-19 response: A situation report on the Orang Asli in Peninsular Malaysia. *AlterNative: An International Journal of Indigenous Peoples*, 17(3), 439–443. <https://doi.org/10.1177/117718012111038723>
- Ithnin, M., Mohamad Nor, N. U., Juliana, N., Mohd Effendy, N., & Mohd Rani, M. D. (2021). Health seeking behaviour among adult Orang Asli (indigenous peoples) from rural Negeri Sembilan, Malaysia: A mixed-methods study. *Malaysian Journal of Public Health Medicine*, 21(2), 348–358. <https://doi.org/10.37268/mjphm/vol.21/no.2/art.1045>
- Jessica, L., Salim, S. S., Zaremohzzabieh, Z., & Ahrari, S. (2022). The role, experience, and challenges to headmasters of indigenous primary schools amid COVID-19 in Malaysia. *Asian Journal of University Education*, 18(1), 231–243. <https://doi.org/10.24191/ajue.v18i1.17191>
- Kalra, S., Arora, N., & Talalnusair. (2021). Leadership in the pandemic times (COVID-19) - Pandemic style leadership: Proposed practices to be embodied by the leaders. *Webology*, 18(2), 687–692. <https://doi.org/10.14704/web/v18i2/web18347>
- Kapoor, P. (2020). Women in COVID-19 pandemic: Influential leadership is the need of the hour. *Indian Journal of Cardiovascular Disease in Women WINCARS*, 5(3), 271–273. <https://doi.org/10.1055/s-0040-1718505>.
- Mayer, C. H., & May, M. S. (2021). Women leaders transcending the demands of COVID-19: A Positive Psychology 2.0 perspective. *Frontiers in Psychology*, 12. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2021.647658>
- Mohd Noor, N. A., & Abd Razak, N. A. (2022). Overcoming learning challenges during the COVID-19 pandemic: Traditional knowledge as an educational alternative for the Orang Asli. *ICR Journal*, 13(1), 31–50. <https://doi.org/10.52282/icr.v13i1.907>
- Nisha, M., Khir, N., & Davamani, F. (2020). Impact of COVID-19 pandemic towards common neglected tropical diseases among indigenous group in Malaysia. *Research Square* [preprint]. <https://doi.org/10.21203/rs.3.rs-120974/v1>
- Nyawo, S. (2022). Christian religious understandings and responses to Covid-19 in Eswatini. In F. Sibanda, T. Muyambo, & E. Chitando (Eds.), *Religion and the Covid-19 pandemic in Southern Africa* (pp. 141–154). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003241096-10>
- Park, S. (2022). Gendered leadership during the COVID-19 pandemic: How democracy and representation moderate leadership effectiveness. *Public Management Review*, 24(11), 1802–1823. <https://doi.org/10.1080/14719037.2021.1937294>
- Sibanda, F., Muyambo, T., & Chitando, E. (2022). Introduction: Religion and public health in the shadow of COVID-19 pandemic in Southern Africa. In F. Sibanda, T. Muyambo, & E. Chitando (Eds.), *Religion and the COVID-19 Pandemic in Southern Africa* (pp. 1–24). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9781003241096-1>
- Thomas, A., Mangubhai, S., Fox, M., Meo, S., Miller, K., Naisilisili, W., Veitayaki, J. & Waqairatu, S. (2021). Why they must be counted: Significant contributions of Fijian women fishers to food security and livelihoods. *Ocean and Coastal Management*, 205, 105571. <https://doi.org/10.1016/j.ocecoaman.2021.105571>
- Welch, J. K. (1992). Review of qualitative evaluation and research methods by M. Q. Patton. *The Modern Language Journal*, 76(4), 543–544. <https://doi.org/10.2307/330063>
- Widodo, A. (2020). Pandemi dan bentuk diskriminasi baru: Sebuah kritik terhadap perilaku masyarakat dalam menghadapi wabah COVID-19. *Jurnal Pendidikan Sosial Keberagaman*, 7(2). <https://doi.org/10.29303/juridiksiam.v7i2.138>